



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP

SEMPENA

“MAJLIS PELANCARAN KITAR SEMULA
PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH
ANJURAN FRASER & NEAVE HOLDINGS
BERHAD (FNHB)”

18 JANUARI 2018 (KHAMIS)

10.45 PAGI

**AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP
BANDAR PERDA
BUKIT MERTA JAM**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmud

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Puan Cariessa Goh Geak Hwa

Pengurus Hal Ehwal Korporat

Fraser & Neave Holdings Berhad (FNHB)

Puan Terrynz Tan

Pengarah Alam Sekitar

Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd.

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

Encik Suffian Bin Julmohamad

Jabatan Alam Sekitar Negeri

Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Kitar Semula Peringkat Sekolah-Sekolah Anjuran Fraser & Neave Holdings Berhad (FNHB).

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Fraser & Neave Holdings Berhad (FNHB) beserta kakitangannya yang telah bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai menganjurkan majlis pada pagi ini. Tidak lupa juga kepada Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd. yang telah berkolaborasi dengan FNHB sepanjang pelaksanaan majlis ini.

Selain itu, sekalung penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Alam Sekitar kerana sudi bekerjasama dan memberi sokongan padu dalam memperkasakan pendidikan dan amalan kitar semula di sekolah-sekolah di Seberang Perai.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Saya menyeru para hadirin sekalian dan amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua rakyat Seberang Perai untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin.

Marilah kita menjadi *environmental game changer* ke arah menjamin persekitaran yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat, dengan memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan. MPSP memperkenalkan *Smart Consumption Model* (Model MPSP berhubung Penggunaan Bijak) melalui Konsep 8R untuk mencapai Seberang Perai Rendah Karbon pada tahun 2022:-

1. *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with 'things' and your relationship with the Earth).* Ianya mengajar kita membuat pembelian secara berhemah atau mengambil sekadar keperluan. Ini dapat mengelakkan pembaziran dari sisa tersebut berakhir di tapak pelupusan.

2. *Refuse (Don't consume what you don't need to).* Kita sentiasa mempunyai pilihan. Jangan beli apa-apa yang tidak diperlukan. Sebagai contoh menolak penggunaan plastik kerana plastik merupakan sumber terbesar pencemaran alam.

3. *Reduce (Reduce consumption of energy and materials).* Kurangkan jumlah sampah yang dihasilkan untuk dihantar ke tapak pelupusan sampah. Sebagai contoh: pengurangan penggunaan barangan pakai buang seperti peralatan makan dan minum (*disposable utensils*); membeli produk yang tidak mempunyai pembungkusan yang terlalu banyak; dan memulakan kompos sampah.

4. *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects).* Mulakan langkah mudah dalam pengurangan sisa. Contoh harian yang dapat kita lihat adalah mengamalkan penggunaan *reusable bag* ketika membeli-belah. Beg plastik bukan sahaja akan berakhir di tapak pelupusan, sebaliknya ia juga mungkin akan berakhir di dalam parit atau longkang yang bilamana tersumbat boleh menyebabkan banjir kilat.

5. *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away)*. Tidak terus membuang barang-barangan yang rosak. Sebilangan barangan yang rosak boleh dibaiki dan digunakan semula.

6. *Re-gift (Share, and be a part of the gift company)*. Barangan yang masih boleh digunakan dihadiahkan atau disumbangkan kepada pihak yang memerlukan.

7. *Recover (Energy and materials recovery)*. Rawatan bahan buangan untuk menjana tenaga. Tenaga yang dihasilkan oleh kaedah khas dan digunakan sebagai kuasa / tenaga.

8. *Recycle (Close the loop and remake)*. Cara dan kaedah dalam menjalankan kitar semula barang-barangan yang dibuang. Selain itu, mempraktikkan seni *upcycle*, barangan terbuang untuk dijadikan suatu barangan baharu, yang berkualiti, bernilai dan boleh digunakan. Malah, ianya boleh dijadikan sebagai punca sumber pendapatan yang lumayan.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

MPSP telah menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% pada tahun 2022 dan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50%. Angka-angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan penduduk Seberang Perai bersama-sama berganding bahu mencapai matlamat ini.

Insyallah, saya yakin 70% kadar kitar semula boleh dicapai kerana seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa menunjukkan *commitment* yang tinggi dalam semua program MPSP. Penduduk Seberang Perai juga cinta kepada alam sekitar yang bersih. Sehingga Disember 2017 (Januari – Disember) sebanyak 256,802kg barang kitar semula telah dikumpul dari kesemua pusat kitar semula.

Seberang Perai telah berjaya dengan satu pencapaian yang hebat di mana kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai telah meningkat daripada 22% pada tahun 2008 kepada 42% pada tahun 2017. Kadar kitar semula ini, adalah beratan kitar semula dari pelbagai agensi seperti pusat kitar semula di kawasan perkampungan dan

perumahan, kilang, NGO dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai.

Warga Seberang Perai hendaklah menjadikan kitar semula sebagai tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau. Di antara langkah-langkah perancangan MPSP bagi mencapai sasaran ini:-

- i. Menggalakkan aktiviti kitar semula kepada Agensi-agensi Kerajaan di Seberang Perai.
- ii. Mewujudkan pusat-pusat kompos.
- iii. Mewujudkan bank data pemungut barangan kitar semula pada 1 April 2018.
- iv. Meningkatkan pengeluaran barangan *upcycle* yang dihasilkan daripada sisa / bahan buangan sebagai bahan baru atau produk baru yang kualitinya hampir sama atau lebih baik melalui reka bentuk yang kreatif.
- v. Meningkatkan penyertaan lebih banyak kilang, sekolah dan komuniti dalam program kitar semula. Untuk makluman tuan-

tuan dan puan-puan sekalian, pada tahun 2017, jumlah beratan barangan kitar semula yang berjaya dikutip adalah 54,090.75 kg daripada 65 buah sekolah iaitu 24 sekolah menengah dan 41 sekolah rendah.

- vi. Penglibatan pihak swasta secara *Corporate Social Responsibility* (CSR) dalam menjayakan pelbagai program kitar semula bersama MPSP.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Sekolah merupakan salah satu tempat (*venue*) di mana amalan kitar semula boleh dipraktikkan secara meluas. Saya percaya dalam peribahasa melayu "*melentur buluh biar dari rebungunya*".

Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah-Sekolah ini adalah merupakan salah satu daripada projek komuniti Fraser & Neave Holdings Berhad (FNHB) yang dianjurkan pertama kalinya pada tahun 2017 bersama-sama MPSP dan Tetra Pak Malaysia Sdn. Bhd. Di samping itu, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Alam Sekitar juga telah memberikan kerjasama dan sokongan padu dalam menjayakan program ini.

Program seperti ini adalah untuk mendidik generasi pelapis masa akan datang supaya menjadikan aktiviti kitar semula sebagai satu amalan hidup. Pendekatan secara *holistic* dari peringkat anak-anak murid sama ada sekolah rendah dan menengah adalah penting untuk menjamin bumi kita ini dapat terus dipelihara. Konsistensi dalam pengamalan 8R ini dapat menjadikan sesebuah sekolah sebagai tempat melahirkan generasi yang menghargai dan menjaga alam sekitar.

Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah-Sekolah ini diadakan mulai hari ini sehingga September 2018. Penyertaan adalah terbuka kepada semua sekolah kerajaan dan swasta di bawah kawasan pentadbiran MPSP.

Matlamat pertandingan ini adalah untuk:-

- 1) menyemai tabiat yang sihat dalam kalangan pelajar sekolah dan meluaskan inisiatif hijaunya di Seberang Perai dengan mendidik serta meningkatkan pengetahuan para pelajar sekolah mengenai kepentingan kitar semula;
- 2) memupuk dan meneruskan semangat dan amalan kitar semula di kalangan pelajar khususnya dan masyarakat amnya;

- 3) menyemai perubahan tingkahlaku (*behavioral change*) positif secara berterusan kepada para pelajar khususnya mengenai kitar semula; dan
- 4) menyahut seruan kerajaan untuk bersama-sama meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan amalan kitar semula.

Untuk makluman semua, di Seberang Perai terdapat 219 buah sekolah (154 buah sekolah rendah dan 65 buah sekolah menengah) dan setakat 2017 sebanyak 65 buah sekolah yang terlibat dengan aktiviti ini, iaitu 24 buah sekolah menengah dan 41 buah sekolah rendah. Saya menyeru dan mengharapkan agar pada tahun ini akan ada penambahan dari segi penyertaan dan juga beratan barangan kitar semula yang dikutip.

Tahun ini, pertandingan adalah terbuka kepada tiga (3) kategori iaitu Kategori I untuk Sekolah Rendah dan Kategori II untuk Sekolah Menengah dan Kategori III untuk Prasekolah (Tadika).

Pada tahun pertama pertandingan iaitu tahun 2017, hadiah yang diberi hanyalah berdasarkan kepada beratan barangan kitar semula

yang dikutip. Walau bagaimanapun, pada tahun 2018, hadiah telah ditambah untuk dua (2) kategori baru iaitu, hadiah untuk sudut kitar semula sekolah dan penyediaan barangan *upcycle* yang dibuat dari kotak minuman.

Sudut Kitar Semula Sekolah akan dinilai berdasarkan kreativiti, kekemasan dan kerjasama, manakala, untuk penyediaan barangan *upcycle* kotak minuman pula akan dinilai berdasarkan kreativiti, kekemasan dan laporan pembentangan.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Program *upcycle* merupakan hasil usaha MPSP dalam mempergiatkan usaha untuk menggalakkan dan memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan kitar semula bagi penjagaan alam sekitar. Ianya mendidik orang ramai untuk menjadikan sisa / bahan buangan sebagai bahan baru atau produk baru yang kualitinya hampir sama atau lebih baik melalui reka bentuk yang kreatif. *Upcycle* mengajar cara memberi nilai tambah kepada barangan kitar semula untuk menjadi penjana ekonomi (*local economic development* – LED) dan seterusnya meningkatkan kadar kitar semula.

MPSP telah memainkan peranan dalam pembangunan program *upcycle* di Seberang Perai. Di antaranya adalah:-

- a) Menyokong pembangunan kepakaran dalam program *upcycle* melalui latihan.
- b) Mendaftar peserta yang berminat menghadiri latihan mengikut kategori *upcycle*.
- c) Menentukan kualiti *upcycle* dan mendaftar produk *upcycle* bertujuan untuk memberi penjenamaan, kawalan kualiti (quality control) dan pemasaran.
- d) Membantu mempromosikan *upcycle*.

Menerusi program *upcycle* ini, pelajar-pelajar sekolah boleh mempraktikkan seni *upcycle*, dan seterusnya lebih memahami dan menilai bahawa barangan terbuang boleh dijadikan suatu barangan baharu, yang berkualiti, bernilai dan boleh digunakan. Malah, ianya boleh dijadikan sebagai punca sumber pendapatan yang lumayan.

Pertandingan penyediaan barangan '*upcycle*' ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pelajar-pelajar sekolah melaksanakan '*recycling*'

serta sebahagian daripada program pendidikan untuk menunjukkan barangan kitar semula boleh digunakan semula untuk menghasilkan produk-produk tertentu yang boleh dipasarkan serta mempunyai nilai tambah atau '*value added*'. Usaha ini boleh dibuat oleh sekolah-sekolah yang mengamalkan kitar semula dan sisa sifar. MPSP sentiasa bersedia membantu dengan menyediakan tenaga pengajar sekiranya berminat. MPSP ingin menggalakkan lebih ramai penyertaan untuk menghasilkan lebih banyak barangan *upcycle* dan MPSP juga sedang mengusahakan program "*Training for Trainers*".

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Tanggal 15 Januari 2018 genaplah tempoh perkhidmatan saya selama 200 hari sebagai Yang Dipertua MPSP. Saya telah menetapkan 12 Pelan Tindakan untuk direalisasikan dalam tempoh 200 hari dan menjadi Kontrak Sosial YDP dengan rakyat dan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri, Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Saya akan umumkan kad laporan (*report card*) pencapaian 12 pelan Tindakan tersebut pada 25 Januari 2018. 12 Pelan Tindakan tersebut adalah:-

1. Pemotongan rumput dan pembersihan longkang diperluaskan di kampung:-

2. Melaksanakan "*Pocket Park*";
 - Menanam 3,000 pokok tecoma
 - *Forest Bathing*, Bukit Juru
3. Deraf Bandaraya Rendah Karbon menjelang 2022;
4. Pelan Strategi Seberang Perai 2018 - 2022;
5. Pengurangan sisa kepada 3% per kapita;
6. '*Bike Friendly Community*':-
 - Taman Merbau
 - Jalan Perda Barat
 - Taman Belatuk
7. Bengkel *up-cycle* untuk *Local Economic Development* (LED);
8. Program "*SPICEC 2018*" tahun 2018;
9. Kempen Garis Panduan - 'car wash', kedai jualan kereta, 'food truck';
10. Garis Panduan Pemutihan Kilang Haram;

11. Garis Panduan Warisan Seberang Perai;
12. Penggunaan IoT, 'Open Data', 'Cloud Computing' dan GIS ke arah 'Smart Cities'.

Berdasarkan perubahan expektasi rakyat yang mahukan perkhidmatan yang cemerlang, MPSP telah tampil dengan Pelan Strategi 2018-2022 dan *Seberang Perai Corporate Priorities 2018*. MPSP sentiasa menjadikan “*Seberang Perai is For All*” sebagai *guiding principal* dalam memacu MPSP ke arah inklusif. Justeru itu, bagi mencapai “*Seberang Perai An Aspiring City Of Tomorrow*”, saya menyeru kepada seluruh warga Seberang Perai untuk terus memberikan sokongan kepada MPSP ke arah matlamat menjadikan **Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi**.

MPSP telah menyenaraikan 85 program dan 201 aktiviti setiap tahun. Daripada jumlah tersebut, *26 Strategic Programs* dijangka dapat menjadi pemangkin kepada ekonomi digital, kelancaran lalulintas, keselamatan, bandar rendah karbon, resilient, kompetitif dan persekitaran yang bersih.

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Dihormati Sekalian,

Salah satu aktiviti rendah karbon yang dilaksanakan adalah Program *Car Free Morning* di Seberang Jaya setiap pagi Ahad minggu pertama. Program ini memberi peluang kepada warga Seberang Perai untuk menyertai aktiviti riadah seperti senamrobik dan berbasikal di kawasan ini yang melihatkan satu usaha untuk mengurangkan pencemaran udara dan meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar dalam kalangan penduduk dan juga menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat. Pelbagai aktiviti lain juga terdapat di sini seperti pameran pendidikan mesra alam, gerai-gerai jualan dan permainan tradisional yang dapat disertai oleh orang ramai. Program ini akan dikembangkan ke Autocity, Juru mulai minggu kedua bulan hadapan. Saya berharap semua warga Seberang Perai akan datang beramai-ramai dan menyokong usaha MPSP ini.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirain sekalian dan warga Seberang Perai dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan** ” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Saya seterusnya menyeru anak-anak dan semua yang hadir untuk menjadikan kitar semula sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan seijau mungkin. Diharapkan dengan program Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah-Sekolah ini dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*".

Akhir kata, terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini. Terima kasih juga saya rakamkan kepada YAB Ketua Menteri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua-ketua Jabatan dan seluruh warga MPSP yang telah menyokong dan memberi kerjasama yang padu sepanjang saya menerajui khidmat saya di MPSP ini.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Kitar Semula Peringkat Sekolah-Sekolah.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.